

Ebuyo VT, UBT unggul Kejohanan Bola Tampar KAMUS 2024

BINTULU: Pasukan Ebuyo VT dinobatkan sebagai juara kategori lelaki Kejohanan Bola Tampar Karnival Muzik dan Sukan (KAMUS) 2024 edisi kedua di gelanggang bola tampar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Sibiew Chinese Bintulu pada 18 hingga 20 Oktober lepas.

Manakala naib juara disandang Elite VT dan tempat ketiga bersama masing-masingnya menjadi milik PRVC dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Falcon.

Juara kategori wanita pula diraih Universitas Borneo Tarakan (UBT), naib juaranya UNIMAS Falcon dan tempat ketiga bersama diraih Polis Diraja Malaysia (PDRM) Sibu dan Cafendi.

Juara dan naib juara pertandingan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,500 dan RM1,000 berserta trofi dan pingat.

Tempat ketiga bersama pula menerima hadiah wang tunai RM600 dan pingat.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan pengarah



JUARA LELAKI: Pasukan Ebuyo FT merakam gambar kenangan bersama hadiah yang dimenangi dan pihak penganjur.

program Mohammad Thaqif Tong serta turut disaksikan penyelaras pertandingan Roslan Ismail.

Pertandingan tersebut adalah anjuran Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP), Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB), Konsortium Universiti Universitas Borneo dan Remix Technologies.

Mohammad Thaqif berkata, pertandingan itu diharapkan dapat memupuk nilai-nilai baik, semangat kesukanan serta daya juang pemain.

“Ia akan membantu melahirkan atlet yang cergas, aktif dan produktif dalam bidang sukan termasuk memupuk nilai-nilai murni khususnya dalam menghadapi cabaran pada masa depan,” katanya.

Menurut Roslan, sebanyak 16 pasukan lelaki dan 14 pasukan wanita menyertai

pertandingan yang turut melibatkan Konsortium Universiti Universitas Borneo (KUUB) iaitu UPMKB, UNIMAS, Universiti Teknologi Sarawak (UTS), UBT Indonesia, agensi dan kelab luar dari Miri, Sibu, Mukah dan Kuching.

Katanya, pertandingan itu diharapkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan bertukar idea dalam meningkatkan kualiti permainan sukan bola tampar.